

# Dasar baru: Pas lawatan kepada isteri2 asing

KUALA LUMPUR, Sabtu

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

ISTERI-isteri asing yang berkahwin sebelum 6 Februari tahun lalu, tidak kira samada permohonan dibuat sebelum atau selepas 6 Mac, 1980, akan diberi pas lawatan (sosial) dari setahun ke setahun selama lima tahun. Demikian dasar baru Kerajaan yang diumumkan oleh Jabatan Imig resen, dan berkuatkuasa di seluruh negara mulai Isnin ini.

Menurut jabatan itu, hanya selepas tempoh tersebut, permohonan mereka mendapatkan permit masuk akan dipertimbangkan.

Bagi para isteri asing yang berkahwin selepas 6 Februari tahun lalu, jabatan itu berkata, mereka akan diberi pas lawatan (sosial) sebagai pelawat biasa di pintu-pintu masuk dan selepas itu akan dilanjutkan selama enam bulan lagi.

Selepas tempoh ini dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh ketua pengarah imig resen, pas lawatan mereka itu akan dilanjutkan dari setahun ke setahun.

Para isteri asing dalam golongan ini layak memohon permit masuk hanya selepas lima tahun mereka mula memasuki negara ini.

Jabatan itu berkata, mereka yang tidak berpuashati dengan keputusan Ketua Pengarah Imig resen boleh merayu kepada Menteri Dalam Negeri.

Dengan pelaksanaan dasar baru ini, isteri-isteri asing yang berkahwin sebelum atau pada 6 Februari tahun 1980 yang belum diberi pas lawatan (sosial) dari setahun ke setahun hendaklah membuat permohonan di pejabat-pejabat imig resen.

Permohonan ini hendaklah dibuat dalam borang rasmi dengan bayaran \$10 beserta salinan fotostat siji perkahwinan dan atas penerimaan permohonan itu, pas lawatan (sosial) untuk setahun akan dikeluarkan.

Bagi mereka yang telah mendapat kemudahan ini, mereka hanya diperlukan membuat permohonan apabila pas lawatan (sosial) mereka hampir tamat.

Bagaimanapun, mereka yang telah berkahwin sebelum atau pada 6 Februari tahun 1980, tetapi telah tinggal berasingan selama lima tahun berterusan tidak layak mendapat kemudahan mendapat pas lawatan (sosial) dari setahun ke setahun.

Bagi isteri asing yang berkahwin selepas 6 Februari tahun 1980, mereka hendaklah membuat permohonan dalam borang rasmi dengan bayaran \$10 beserta salinan fotostat siji perkahwinan dan/atau bukti-bukti lain yang dapat menunjukkan perkahwinan mereka itu tulen.

Atas penerimaan permohonan itu pas lawatan (sosial) untuk enam bulan akan dikeluarkan.

Menurut jabatan itu, dalam tempoh enam bulan ini segala dokumen yang dikemukakan oleh pemohon akan diteliti bagi memastikan ketulenan perkahwinan mereka.

Selepas tempoh enam bulan itu pula, pas lawatan (sosial) akan diperbaharui dari setahun ke setahun jika permohonan dibuat.

Permohonan bagi pembaharuan hendaklah juga dibuat dalam borang rasmi dan pemohon juga dikehendaki menandatangani suatu bon. Bon ini, jelas jabatan itu, sebenarnya telah diamalkan selama ini, seperti diperuntukan dalam undang-undang.

Penggunaan bon ini adalah semata-mata bertujuan memastikan kedudukan isteri terjamin dan tidak terinaya jika berlaku perpisahan, perceraian atau apabila didapati perkahwinan itu hanya satu perkahwinan mendapatkan kemudahan.

Jabatan itu juga menjelaskan isteri asing yang telah dibenarkan tinggal atas pas lawatan (sosial) dari setahun ke setahun bebas keluar masuk negara ini.— Bernama.